



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

PENGAMBILAN PROGRAM DIPLOMA PASCASISWAZAH PENDIDIKAN (PDPP) BAHASA JEPUN AMBILAN JUN 2020

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempelawa lulusan Ijazah Sarjana Muda yang berkelayakan, berpotensi, berminat dan beriltizam untuk mengikuti Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) Ambilan Jun 2020.

1. KETERANGAN PROGRAM

1.1 Nama Program:

Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP)

1.1.1 Program ini dikhususkan untuk melatih bakal guru di Institut Pendidikan Guru (IPG) yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam pelbagai bidang pengkhususan bagi keperluan di Sekolah Menengah (Mod Sepenuh Masa);

1.1.2 Pemohon dikehendaki mengikuti PDPP selama (1 tahun / 3 semester) di IPG berkenaan yang ditetapkan oleh KPM.

2. SYARAT ASAS

- 2.1 Warganegara Malaysia;
- 2.2 Sihat fizikal dan mental;
- 2.3 Aktif ko-kurikulum; dan
- 2.4 Umur **tidak lebih 35 tahun pada 30 Jun 2020.**

3. SYARAT AKADEMIK

- 3.1 Memiliki sekurang-kurangnya **Ijazah Sarjana Muda atau setaraf dengannya yang diiktiraf oleh Malaysian Qualifications Agency (MQA);**
- 3.2 Memperoleh CGPA **3.00 dan ke atas** atau memiliki pengalaman **bekerja sekurang-kurangnya lima tahun dalam bidang berkaitan;**

- 3.3 Memiliki kecekapan minima Bahasa Jepun (N2) dalam *Japanese Language Proficiency Test (JLPT)*; dan
- 3.4 Memiliki kepujian Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris diperingkat **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** atau kelulusan yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan; dan

4. SYARAT TAMBAHAN

- 4.1 Keutamaan akan diberikan kepada calon yang **mempunyai Ijazah Sarjana Muda dari Universiti di Negara Jepun/tempatan yang diiktiraf oleh *Malaysian Qualifications Agency (MQA)***; dan
- 4.2 Pemohon yang memiliki Ijazah Sarjana Muda daripada institusi tempatan dan luar negara **perlu mendapatkan surat pengiktirafan ijazah daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)**, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang boleh dimuat turun daripada laman sesawang di alamat:
- i. <http://www2.mqa.gov.my/mqr>; atau
 - ii. <http://www2.mqa.gov.my/esisraf> .

5. CARA MEMOHON

- 5.1 Permohonan hanya boleh dibuat secara dalam talian (**online**) dengan melayari laman sesawang di alamat : <https://pismp.moe.gov.my/myumum> mulai **5 Mac 2020**
- 5.2 **Permohonan akan ditapis berdasarkan syarat kelayakan dan kriteria yang telah ditetapkan oleh KPM.** Pemohon yang terpilih mesti menduduki dan **LULUS** Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG) sebelum layak dipanggil temu duga.
- 5.3 Pemohon dinasihatkan melayari laman sesawang : <https://pismp.moe.gov.my/myumum> bagi mendapatkan **maklumat iklan, Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG), temu duga, syarat bidang pengkhususan dan gred minimum serta kalendar aktiviti** sebelum membuat permohonan.

- 5.4 Pemohon dibenarkan mengemukakan **SATU (1)** permohonan dan **boleh mengemaskini pada bila-bila masa sahaja sehingga tarikh permohonan ditutup.**
- 5.5 Permohonan hendaklah disahkan dan dihantar sebelum tarikh tutup permohonan. Permohonan yang berjaya dihantar akan menerima nombor rujukan sebagai pengesahan.
- 5.6 Maklumat yang tidak benar dan tidak lengkap boleh mengakibatkan permohonan ditolak.

PERINGATAN

Pemohon yang didapati memberi maklumat salah/tidak benar/manipulasi maklumat dalam borang permohonan akan diambil tindakan dengan menarik balik surat tawaran dan dikenakan tindakan undang-undang. Maklumat ini akan disemak secara terperinci pada hari pendaftaran dan selama tempoh pengajian.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 17 Mac 2020 (11.59 MALAM)

Sila hubungi alamat berikut sekiranya ada sebarang pertanyaan berkaitan dengan permohonan:

**INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 1-3, BLOK 2250, USAHAWAN 1
63000 CYBERJAYA**

(u.p: Jabatan Pengambilan dan Penempatan Pelajar, Pusat Hal Ehwal Pelajar)

No. Telefon : 03-8312 6720 / 6730 / 6768 / 6627 / 6758 / 6693 / 6733 / 6731 /
6769 / 6761 / 6689 / 6760 / 6678